

**Ahlul-Bait Rasulullah SAW &
Salasilah Raja Temenggung Muar;
Yang tersurat dan tersirat**

Susunan;
(Tun) Suzana (Tun) Hj Othman

Ahlul-Bait Rasulullah SAW & Salasilah Raja Temenggung Muar;
Yang tersurat dan tersirat

Topik	Ms
1. Versi-versi Berlainan: Salasilah Tun Habib Abdul Majid	2
2. Transkrip Salasilah Raja Temenggung Muar	11
3. Marhum Kota Tinggi dalam Salasilah Muar	16
4. Susunan Bendahara Johor Sebelum Tun Habib Abdul Majid ...	20
5. Bendahara Sekudai dan Terombo Sungai Ujong, Rembau dan Naning	24
6. Tun Habib Abdul Majid dan Ahlul-Bait Nabi SAW	27
7. Susunan Bendahara Johor Sehingga Tun Habib Abdul Majid ...	31
8. Salasilah Tun Habib Abdul Majid & Kesultanan Melayu ...	36

Bab 1

Versi-versi Berlainan:

Salasilah Tun Habib Abdul Majid

Kemangkatan Sultan Mahmud Shah II (1685-1699M) dalam tragedi '*Marhum Mangkat di Julangan*' pada tahun 1699 Masihi telah menaikkan keturunan Bendahara kepada martabat Raja bagi Kesultanan Johor Lama. Ini berikutan Sultan Mahmud mangkat tanpa memperolehi zuriat dan adat Melayu Lama menegaskan bahawa keturunan Bendahara boleh naik takhta kalau raja mangkat tanpa berwaris.

Maka naiklah Bendahara Paduka Raja Tun Habib Abdul Jalil sebagai pemerintah Johor Lama, bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV (1699-1718M). Dari nasab Sultan Abdul Jalil inilah lahir raja-raja Johor yang berikutnya sehingga ke hari ini, selain menerbitkan juga dinasti Raja Bendahara di Pahang yang membawa kepada pembentukan Kesultanan Pahang Moden.

Kesultanan Selangor dan dinasti Yam Tuan Muda Riau juga berasal dari titisan Sultan Abdul Jalil, tetapi melalui nasab sebelah perempuan, iaitu puteri baginda yang bernama Tengku Mandak.

Sultan Abdul Jalil juga mempunyai seorang saudara kandung yang bernama Tun Zainal, kemudiannya kelak menjadi Sultan Terengganu pertama bergelar Sultan Zainal Abidin I (1725-33M).

Kesimpulannya, Kesultanan Johor Lama (pasca 1699) dan Moden (pasca 1885), Dinasti Raja Bendahara Pahang (pra 1882) dan Kesultanan Pahang Moden (pasca 1882), Kesultanan Terengganu, Kesultanan Selangor serta dinasti Yam Tuan Muda Riau masing-masing berkongsi satu jurai keturunan.


Persoalannya, siapakah '*patriach*', induk ataupun bapa kepada raja-raja dari kesultanan-kesultanan atau dinasti-dinasti ini, yang mana kebanyakannya masih terus menaungi takhta sehingga dewasa ini?

Jawapannya ialah Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana Tun Habib Abdul Majid (mangkat 1697), yang mana makamnya masih tersergam kukuh di daerah Kota Tinggi, Johor tidak jauh dari tapak makam Sultan Mahmud Mangkat di Julangan. Malahan, Tun Habiblah yang menjadi Bendahara bagi Sultan Mahmud Shah selain memangku baginda di haribaannya semasa menjalankan urusan pemerintahan negeri kerana waktunya Sultan Mahmud masih muda lagi, belumpun mencelah 10 tahun.

Sumber-sumber tradisional telah memberikan 4 versi yang berlainan tentang salasilah Tun Habib Abdul Majid, rujuk versi-versi berikut;

VERSI PERTAMA :

Merupakan sumber Terengganu, susunan Dato' Seri Nara Wangsa. Dicatat sebagai sumber Terengganu kerana dijumpai di Terengganu. Lihat rajah berikut;



Sumber: Muzium Terengganu dan Arkib Negara Malaysia, cawangan Kuala Terengganu

Menurut Prof Abdullah Zakaria Ghazali dalam bukunya '*Istana dan Politik Johor (1835-1885)*', 1996, halaman 2 :

“ Salasilah ini mengemukakan Bendahara Padang Saujana sebagai Sultan Abdul Majid bergelar Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana. Padahal Abdul Majid tidak pernah menjadi Sultan dan lebih dikenali dengan gelaran Tun Habib Abdul Majid Bendahara Seri Maharaja Dato' Padang Saujana.”

Hakikatnya, beberapa riwayat tradisi memang mengenalkan Tun Habib Abdul Majid sebagai Sultan. Ini berikutan Tun Habib berfungsi memangku ribu Sultan Mahmud yang masih kecil, serta menjalankan pemerintahan negeri bagi phak baginda, sehingga ada yang menganggap beliaulah raja Johor waktu itu.


Kesimpulannya, versi ini adalah TIDAK BENAR

VERSI KEDUA :

Tercatat pada papan peringatan di hadapan makam Tun Habib Abdul Majid di Kota Tinggi dengan tulisan Jawi keterangan berikut;

“ Bahawa inilah makam Tun Abdul Majid bin Raja Abdullah, Dato Bendahara Padang Saujana mangkat pada tahun 1697M. Adalah pada ayahanda Raja Abdullah inilah yang menjadi pemangku kepada Sultan Alauddin Riayat Shah yang ketiga. Dan pada nendanya Sultan Muzaffar Shah yang ketiga itu. Sultan Alauddin Riayat Shahlah yang membuka Kota Tinggi pada tahun 1548M. Shahadan Dato Bendahara inilah menjadi raja pula bergelar Sultan Abdul Jalil Shah yang keempat apakala didapati Al-Marhum Mangkat Dijulang iaitu Sultan Mahmud Shah yang kedua itu tiada berzuriat lagi. Lalu dalam tahun 1699M, dan daripada zuriat Al-Marhum Tun Habib Abdul Majid inilah berasal sultan-sultan Melayu yang berkerajaan di Melaka. Daripadanya membawa kepada yang..... (tidak jelas) Sultan Ibrahim bin Al-Marhum Abu Bakar Khalil Mansur Shah yang memerintah kerajaan Johor yang adanya. Mudah-mudahan barang dirahmatkan Allah Al-Marhum, berlebih atas Al-Marhum Dato’ Bendahara Tun Abdul Majid ini serta kerabat-kerabat dan zuriatnya dan berkekalan kemerdekaan kerajaan Johor ini aman dan makmur selamanya. Dibuka peringatan tawarikh ini diadakan. 1946.”


Rujuk illustrasi di bawah :



Sumber : Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Johor

Versi ini juga adalah TIDAK BENAR kerana jumhur sejarahwan Johor hari ini telah bersepakat bahawa Tun Abdul Majid bukan putera Raja Abdullah atau Sultan Abdullah Maayah Shah itu. Malahan telahpun menjadi pengetahuan am bahawa Tun Habib Abdul Majid tidak menjadi raja Johor bergelar Sultan Abdul Jalil IV, beliau berfungsi memangku Sultan Mahmud Shah II sehingga ajalnya dalam tahun 1697. Sultan Mahmud pula mangkat tahun 1699. Sultan Abdul Jalil IV adalah hakikatnya putera Tun Habib Abdul Majid dan menjadi raja Johor selepas kemangkatan Sultan Mahmud yang tiada mempunyai zuriat.

VERSI KETIGA :



Sumber dari Prof Dato' Dr Muhammad Yusuff Hasyim dan Dr Aruna Gopinath dalam buku *Tradisi Pensejarahan Pahang Darul Makmur, 1800-1930 (Perkembangan Sejarah Pahang Darul Makmur; Salasilah Kesultanan Negeri Pahang Darul Makmur, Lampiran I, mukasurat 370)*.

Sumber daripada versi ini diambil daripada manuskrip Sulalatus Salatin ataupun Sejarah Melayu yang disusun oleh Bendahara Paduka Raja Tun Seri Lanang, diketahui umum sebagai leluhur kepada Tun Habib Abdul Majid.

Bagaimanapun versi ini menimbulkan banyak tandatanya kerana walaupun nama Tun Habab (Tun Pikrama) yang tercatat pada versi ini sememangnya bersumber dari manuskrip Sulalatus Salatin ataupun *Sejarah Melayu*, namun tidak pula disebut dalam manuskrip yang sama bahawa beliaulah orang yang sama dengan Tun Habib Abdul Majid seperti yang diandaikan oleh Prof Dr Muhammad Yusuff Hasyim itu.

Hakikatnya, bangsawan Johor yang bernama Tun Habab ibni Tun Mat Ali yang dicatatkan dalam *Sejarah Melayu* BUKAN orang yang serupa dengan Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana Tun Habib Abdul Majid.

Dalam konteks ini, nama Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana Tun Habib Abdul Majid langsung tidak tercatat dalam *Sejarah Melayu*. Ini berikutnya penyusunan manuskrip tersebut dimulakan oleh Tun Seri Lanang dalam tahun 1612M dan riwayat-riwayat yang terkandung didalamnya ditamatkan pengkisahannya sejurus sebelum berlakunya Peristiwa Perang Batu Sawar 1613M (iaitu pensejarahannya adalah sehingga tahun 1613M).

Tun Seri Lanang tinggal di Aceh dari tahun 1613M sehingga kemangkatannya pada tahun 1659M, bagaimana beliau hendak menulis cerita tentang cerita ataupun salasilah Tun Habib Abdul Majid yang muncul lebih lewat daripada zamannya, iaitu hanya mulai sekitar penghujung tahun 1680an? Sedikit sebanyak penambahan maklumat dalam *Sejarah Melayu* yang dibuat oleh generasi kemudian dari Tun Seri Lanang pula tetap tidak melibatkan era selepas 1613M, oleh itu sejarah Bendahara Padang Saujana tidak ada dalam manuskrip tersebut.

Sedikit penambahan nama-nama dalam salasilah keluarga Bendahara Johor pula yang berkemungkinan dibuat selepas mangkatnya Tun Seri Lanang ditamatkan pada generasi ketiga, atau cicit Tun Seri Lanang, dan di sini pun nama Tun Habib Abdul Majid tetap tidak muncul.

Dalam kedudukan Bendahara Padang Saujana sebagai tokoh penting, maka jikalau namanya masih tidak ada dalam senarai zuriat Tun Seri Lanang sehingga generasi ketiga, maka adalah selamat untuk mengandaikan bahawa Tun Habib muncul lebih lewat dari masa penulisan tambahan tersebut dibuat (Tun Habib mucul dalam rekod Belanda sebagai Bendahara Johor sekitar tahun 1683, beliau mangkat tahun 1697).

Persoalannya, mengapa diandaikan Tun Habab itu orang yang sama dengan Tun Habib Abdul Majid?

Jika kita tinjau sumber daripada buku-buku, manuskrip-manuskrip mahupun rekod-rekod lama seperti catatan resmi Belanda meletakkan nama Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana (mangkat 1697M) sebagai Tun **Habib** Abdul Majid. Bagaimanapun terdapat perubahan yang ketara apabila penulisan-penulisan kontemporari mula menukar namanya kepada Tun **Habab** Abdul Majid ataupun Tun Habab semata-mata.

Lucunya, sebilangan kecil penulis atau penyelidik sejarah kontemporari tidak dapat mengambil keputusan samada mahu menggunakan prediket ‘Habib’ atau ‘Habab’, lalu menggunakan kedua-duanya sekali supaya ‘selamat’, langsung menjadi Tun Habib (Habab) Abdul Majid. Jelas di sini terdapat kekeliruan tentang penggunaan nama-nama atau prediket- prediket tersebut.

Penggunaan nama Tun Habab Abdul Majid sebagai mengenalkan Bendahara Padang Saujana telah sedikit sebanyak menenggelamkan nama ‘tradisinya’ Tun Habib Abdul Majid. Andaian ini dibuat mungkin kerana prediket ‘Habib’ pada nama tradisi Tun Habib Abdul Majid itu seharusnya mengenalkannya sebagai seorang yang berzuriyyah dari Rasulullah SAW (seperti juga prediket

Sayyid), sedangkan rata-rata para akademik atau pengkaji sejarah tempatan yang muncul di pertengahan abad ke 20 Masihi waktu itu belum terdedah kepada sejarah keberadaan golongan ahlul-bait Rasulullah SAW sebagai alim-ulama serta umara yang muncul di Alam Melayu seawal zaman perkembangan Islam di rantau ini. Hanya baru-baru ini (semenjak sepuluh tahun lalu), barulah sejarah ahlul-bait di Alam Melayu mulai terbongkar.

Penggunaan nama Tun Habab secara meluas dewasa ini menggantikan nama ‘tradisinya’ Tun Habib Abdul Majid dipercayai berpunca daripada penerbitan buku penulisan Prof Dato’ Dr Muhammad Yusoff Hashim dan Dr Aruna Gopinath berjudul *Pahang Darul Makmur, 1800-1930M*¹ yang telah menjelak dan menyusun salasilah keturunan bendahara-bendahara dari zaman Melaka langsung ke Johor dan akhirnya ke Pahang (kemudian menerbitkan Kesultanan Pahang Moden).

Pada rajah salasilah yang dilampirkan, Bendahara Padang Saujana telah dikenalkan sebagai Tun Habib Abdul Majid ibni Bendahara Paduka Maharaja Tun Mat Ali (rujuk kembali Versi Ketiga), atau dalam lain makna, Tun Habab yang tercatat dalam *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* telah diandaikan sebagai orang yang sama dengan Tun Habib Abdul Majid.

Berkemungkinan diandaikan demikian kerana tidak ada tercatat nama Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana Tun Habib Abdul Majid dalam *Sejarah Melayu*, walaupun jelas ia seorang Bendahara Johor di akhir abad ke 17 Masihi, sedangkan jawatan Bendahara adalah bersifat warisan turun temurun, maka sudah tentu Tun Habib Abdul Majid mempunyai hubungan kekeluargaan dengan bendahara-bendahara Johor waktu itu.

Jikalau namanya tidak tercatat dalam *Sejarah Melayu*, maka sudah tentu boleh diandaikan beliau mempunyai nama lain, kebetulan bangsawan yang bernama Tun Habab yang tercatat dalam *Sejarah Melayu* itu adalah anak Bendahara Johor (Bendahara Paduka Maharaja Tun Mat Ali) dan kekandanya Tun Rantau adalah juga seorang Bendahara.


Apatah lagi Tun Habab itu bergelar Tun Pikrama, iaitu gelaran bagi seorang bakal Bendahara, dan Tun Habab pula wujudnya sama era dengan Bendahara Padang Saujana. Oleh itu kemungkinan Tun Habab sama orangnya dengan Bendahara Padang Saujana.

Walhal, hakikatnya Tun Habab Tun Pikrama adalah orang yang lain daripada Tun Habib Abdul Majid, malahan Versi Keempat (Versi Salasilah Muar) yang akan dibentangkan pada bab seterusnya berupaya mendedahkan siapakah identiti Tun Habib yang sebenarnya, dan beliau bukan putera Bendahara Paduka Maharaja Tun Mat Ali, tetapi adalah putera daripada keturunan ahlul-bait Rasulullah SAW yang masuk ke dalam keluarga besar bendahara Johor Lama.

¹ Prof Dato’ Dr Muhammad Yusoff Hashim dan Dr Aruna Gopinath, *Tradisi Pensejarahan Pahang Darul Makmur, 1800-1930*, Tempo Publishing (M) Sdn Bhd, 1992 (*Perkembangan Sejarah Pahang Darul Makmur; Salasilah Kesultanan Negeri Pahang Darul Makmur, Lampiran I*, mukasurat 370).

VERSI KEEMPAT :

Sebuah manuskrip Melayu yang diperolehi daripada keturunan Raja-Raja Temenggung Muar. Salasilah ini disalin semula oleh R.O Windstedt dalam bukunya *A History of Johore* (1365-1895), 1979, Appendix III, hlm 134. Ianya juga terdapat dalam sumber Windstedt bertajuk *Temenggungs of Muar*, JMBRAS, Vol X,pt 1, 1932. Penulis merujuk kepada salasilah ini sebagai ‘*Salasilah Muar*’. Keturunan Raja-Raja Temenggung Muar masih ramai di Segamat dan Muar, serta menyimpan pusaka dan alat kebesaran nenek moyang.



Sumber : Salasilah Raja-raja Temenggung Muar

Salasilah Raja-raja Temenggung Muar atau ringkasnya *Salasilah Muar* merupakan sebuah manuskrip yang amat penting dan berharga kerana di sinilah terkandung beberapa maklumat penting, yang jika lau diselaraskan dengan sumber-sumber lain, mampu memberikan jawaban yang lebih tepat tentang identiti sebenar Tun Habib Abdul Majid itu.

Malangnya, *Salasilah Muar* kurang diberi perhatian oleh para pengkaji sejarah kerana terkandung banyak misteri yang belum terungkai. Contohnya, tidak ramai orang yang tahu tentang kewujudan dinasti Raja-Raja Temenggung Muar dari awal abad ke 18 Masihi sehingga diambil oleh Maharaja Abu Bakar

(kemudian menjadi Sultan Johor Moden) pada tahun 1877 Masihi. *Buku Istana dan Politik Johor (1835-1885)* karangan Prof Abdullah Zakaria Ghazali boleh dirujuk dalam hal ini.

Begitu juga ‘kehilangan’ keluarga Bendahara Johor semenjak berlakunya tragedi Perang Batu Sawar 1613 Masihi yang melibatkan sengketa sengit dengan Kesultanan Aceh (serta berlakunya hubungan tidak harmonis Bendahara-Sultan Johor) telah menyebabkan susunan salasilah bendahara-bendahara Johor untuk tempuh lebih setengah abad menjadi kabur. Berdasarkan perkara ini, maka *Salasilah Muar* kurang mendapat tempat sebagai sumber primer dalam penyelidikan baru ahli-ahli sejarahwan dan akademik.

Dikecualikan penyelidik sejarah dan pegawai British yang terkemuka iaitu R.O Winstedt yang mengambil minat yang mendalam terhadap salasilah ini, malah membuat rumusan yang cukup menarik daripada analisis serta kajibanding dengan sumber-sumber sejarah yang lain.

Salasilah Muar menarik perhatian penulis setelah hampir setahun membuat penyelidikan mengenai sejarah kemunculan zuriyyah, atau ahlul-bait Rasulullah SAW di rantau ini sehingga menerbitkan buku “*Ahlul-Bait Rasulullah SAW dan Raja-Raja Melayu*” dalam tahun 2001M. Pengkajian topik yang sama terus dilanjutkan selepas itu. Penulis dapat merumuskan tentang wujudnya suatu tema dan pola yang berulang-ulang mengenai kemasukan keturunan Rasulullah SAW dalam istana raja-raja Nusantara dari Kesultanan Champa, Selatan Siam, Mindanao, Brunei, Sumatera, Jawa dan Semenanjung Tanah Melayu sendiri.

Penyelidikan sejarah Johor, Aceh, Muar, Rembau dan Sg Ujong juga telah dapat mengungkap persoalan-persoalan yang selama ini wujud tentang kekaburan sejarah serta susunan salasilah bendahara-bendahara Johor selepas pentadbiran Bendahara Paduka Raja Tun Seri Lanang (pasca 1613) sehingga kemunculan Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana Tun Habib Abdul Majid, putera Aceh dan zuriyyah Rasulullah SAW dalam tahun 1683M.

Jika dikaji dengan lebih terperinci dan mendalam, kita akan mendapati bahawa walaupun fakta yang mengatakan salasilah Tun Habib dari keluarga Bendahara Johor Lama itu tepat, namun susur galur terperinci salasilahnya seperti yang tercatat dalam buku *Pahang Darul Makmur, 1800-1930* memerlukan pengkajian semula berdasarkan beberapa penemuan sumber-sumber terbaharu yang berkaitan dengan salasilah Tun Habib Abdul Majid.

Bahagian seterusnya bakal mengupas persoalan salasilah Tun Habib Abdul Majid yang terbukti bukan sahaja berketurunan daripada bendahara-bendahara Melaka dan Johor Lama, tetapi juga berzuriyyah Rasulullah SAW, atau yang dikenal sebagai ‘ahlul-bait’ baginda. Selain itu Tun Habib juga dapat dikaitkan dengan darah Kesultanan Aceh Darussalam melalui moyangnya seorang Sayyid yang turun dari Hadhramaut di selatan Yaman dan kemudian berkahwin dengan puteri kepada Sultan Aceh.

Hakikatnya, analisis terperinci yang menyangkut hubungan darah dan kekeluargaan diantara keluarga Bendahara Johor dengan Kesultanan Aceh pada waktu itu dapat menjawab beberapa persoalan, antaranya mengapa selama ini keturunan ke atas yang tepat daripada Tun Habib Abdul Majid agak kabur serta mengapa keluarga bendahara ‘menghilang’ daripada persada sejarah negeri Johor selama hampir 70 tahun selepas berlakunya peristiwa Perang Batu Sawar 1613M

sebelum ditemukan kembali dalam tahun 1683M apabila Tun Habib muncul mengembalikan otoritas keluarga Bendahara di alam Johor.

Ringkasnya, penggabungan serta penyelarasan maklumat-maklumat dari berbagai sumber sejarah khususnya dari Johor, Muar, Rembau, Sungai Ujong dan Aceh bukan sahaja diharap dapat menjawab persoalan nasab, atau keturunan ke atas daripada Tun Habib Abdul Majid, Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana, '*patriach*' bagi beberapa kesultanan di tanah air kita hari ini, malahan berupaya menjelaskan kekaburan suatu episod dalam pentas sejarah politik Johor dalam abad ke 17M, iaitu 'kehilangan' keluarga Bendaharanya.

BAB 2

TRANSKRIP SALASILAH MUAR

Fasal Pada Menyatakan Keterangan

Raja-Raja Temenggung di dalam Negeri Muar.

(3 Februari 1906 disalin ini)

Maka adalah keturunannya itu mula-mulanya daripada seorang kaum Hasyim yang bernama Sayyid Idrus yang turun dari Hadhramaut ke negeri Aceh tempatnya bernama Kampung Pasir hingga beberapa tahun tinggal di sana maka diambil oleh Sultan Aceh dijadikan menantunya, beristerilah ia dengan kebangsinya (kufunya) anak Sultan Aceh itu. Tidak berapa lama antaranya hamillah isterinya itu hingga berputera akan seorang anak laki-laki dinamakan ayahndanya Sayyid Zainal Abidin. Maka apakala besarlah Sayyid Zainal Abidin itu lalu bermohon kepada ayahndanya (Sayyid Idrus) hendak pergi ke Tanah Johor Lama dan diperkenankan oleh ayahndanya permintaannya itu lalu pergi ke Johor Lama. Maka sampailah ia dengan selamatnya. **Tidak berapa lama antaranya diambilah oleh Al-Marhum Kota Tinggi dikahwinkan dengan kebangsinya.**

Maka dengan tiada berapa lamanya hamillah isterinya itu. Apakala sampai nasabnya lalu berputeralah ia seorang anak laki-laki dinamakan ayahndanya Maharaja Seri Diraja maka apakala besarlah Maharaja Seri Diraja itu lalu dikahwinkan oleh ayahndanya di dalam negeri Johor Lama hingga beberapa tahun lamanya tiadalah ia mengadakan putera. Maka pada suatu malam bermimpilah Maharaja Seri Diraja itu datang seorang tua menyatakan katanya jika engkau hendak beristeri perlilah engkau ke Negeri Muar dan ambillah tunangnya orang yang hendak berkahwin di sana buat isteri supaya engkau mendapat anak. Dan apakala habis perkataan orang tua itu maka terkejutlah ia lalu bangun daripada peraduannya langsung pergi mengadap nendanya Al Marhum Kota Tinggi. Maka apakala sampai ke istana nendanya itu ditegurlah oleh nendanya katanya ‘*Ya cucuku apakah halnya maka mengadap nenda pagi-pagi ini?*’. Maka oleh Maharaja Seri Diraja segeralah menyahut pertanyaan nendanya lalu menyembahkan segala hal yang telah dimimpikannya itu. Setelah didengar oleh nendanya akan hal mimpiinya itu lalu ia bertitah katanya ‘*baiklah segeralah ya cucuku pergi ke negeri Muar mudah-mudahan dikabulkan Allah akan bagaimana mimpimu itu.*’

Setelah bertitah Al-Marhum itu segala orang-orang negeri pun bersiaplah segala alatan pelayaran itu akan membawa Maharaja Sri Diraja ke negeri Muar. Setelah genaplah waktunya pada saat yang sempurna lalu belayarlah Maharaja Sri Diraja menuju ke negeri Muar itu lalu kedengaran bunyi-bunyian permainan orang hendak kahwin maka ditujunyalah ke situ. Didapatinya di kampung Orang Kaya Darma di Muar. Apakala sampai ia berjumpa dengan seorang tua maka bertanyalah ia, katanya ; “*Apakah sebab bermaninan segala bunyi-bunyian di sini? Siapakah yang hendak berkahwin?*” Disahut oleh orang tua itu, “*iaitulah anak Orang Kaya Darma yang perempuan hendak kahwin.*”

Maka Maharaja Sri Diraja pun menuju ke pengkalan orang kaya itu serta didapatinya ramai orang-orang perempuan yang ada di Jambas Pengkalan itu. Tetapi apakala dilihat oleh segala perempuan akan perahu datang menuju ke pengkalan itu lalu larilah segala perempuan itu. Hanyalah yang tinggal seorang perempuan anak Orang Kaya Darma yang hendak kahwin itu. Maka dihampirinya, katanya : “Siapa yang hendak kahwin di sini?” lalu dijawab oleh budak perempuan itu : “Hambalah!!”. Apakala didengar oleh Maharaja Diraja akan perkataan budak perempuan itu maka ia pun mencabut cincin daripada jarinya dimasukkannya kepada jari budak perempuan itu. Seraya katanya : “Pergilah engkau balik kepada bapamu, tunjukkan cincinku ini dan khabarkan kepadanya aku hendak kahwin dengan engkau dan aku minta bapamu menghantarkan engkau ke Johor di dalam tempuh tujuh hari. Aku tahu ada sampai, serta bawalah sekali tunangmu itu.” Setelah habis ia berkata-kata dengan budak perempuan itu maka iapun belseyarliah balik ke Johor.

Al-kisah tersebutlah perkataan orang-orang yang meninggalkan budak perempuan itu di pengkalan, katanya : “Ada perahu perompak datang. Itulah sebabnya hamba sekalian lari dan budak perempuan tinggal itu tentulah di bawa perompak lari.” Maka menangislah segala orang-orang yang ada di situ oleh sangkaannya budak perempuan itu dibawa perompak lari. Apatah lagi bapanya sepertikan pengsan rupanya.

Tengah-tengah orang bertangis-tangisan itu budak perempuan itu pun baliklah ke rumah dengan sendirinya lalulah masing-masing bertukar duka menjadi suka, lalu masing-masing bertanya siapakah yang datang tadi dan Orang Kaya Darma laki isteri pun datang mendapatkan anaknya sambil bertanya, maka budak perempuan itu menjawab pertanyaan bapanya. Katanya: “Yang datang tadi itu Maharaja Sri Diraja dari Johor, inilah cincin diberinya hamba dan ia ada berpesan kepada hamba meminta ayahnda membawakan hamba ke Johor di dalam tempuh tujuh hari ini kerana ia hendak kahwin dengan hamba dan disuruh membawa tunangan hamba itu sekali.”

Setelah didengar oleh Orang Kaya Darma akan perkataan anaknya itu takjublah fikirannya lalu bertangis-tangisan semula. Setelah sudah bertangis-tangisan itu lalu berkata Orang Kaya Darma besok mulalah bersiap sekali sekoci, kerana hendak belseyarliah ke Johor membawakan anaknya kerana hendak dikahwinkan dengan Maharaja Sri Diraja. Setelah siap segala alatan pelayaran dan perbekalan itu maka waktu yang baik lalu belseyarliah Orang Kaya Darma itu menuju ke Johor.

Tahap berapa lama antaranya sampailah ia ke Johor lalu mengadap Al-Marhum Kota Tinggi menyembahkan segala hal yang jadi itu. Setelah habis perkataan Orang Kaya itu lalu bertitah Al-Marhum itu : “Baiklah segera kita kahwinkan anakmu dengan Maharaja Sri Diraja, dan tunangannya itu aku beri cap bebas di dalam jajahan aku.” Tiada berapa hari antaranya orang-orang pun mulalah meletakkan kerja kahwin, maka pada waktu yang baik dan hari yang baik dikahwinkan oleh Al-Marhum dan Orang Kaya Darma akan Maharaja Sri Diraja dengan anak Orang Kaya itu.

Dengan tiada beberapa bulan lamanya dengan qudrat Tuhan hamillah isterinya itu. Setelah sampai nisabnya, zahirlah seorang anak laki-laki dinamakan ayahndanya Dato' Engku Pasir Diraja, kemudian daripada itu mendapat anak pula seorang laki-laki juga dinamakan Bendahara Padang Saujana (Tun Habib Abdul Majid) dan kemudian hamillah pula serta mendapat anak perempuan dinamakan Marhum Bakal. Setelah besarlah ketiga putera itu maka Marhum Bakal itu diambil oleh Al-Marhum Kota Tinggi dijadikan isteri serta titahnya kepada Dato' Pasir Diraja serta Bendahara Padang Saujana: "*Ambillah olehmu akan negeri Muar akan jadi ianya mas kahwin bagi saudaramu dengan tiada boleh direstu oleh siapa-siapa juga.*

Shahadan setelah beberapa tahun lamanya Al-Marhum Kota Tinggi itu bersama-sama Marhum Bakal itu dapatlah seorang putera laki-laki. Ada kira-kira cepat berlari puteranya itu maka Al-Marhum Kota Tinggi itupun mangkatlah pula. Dan kerajaannya dipangku oleh Dato' Pasir Diraja hingga beberapa tahun lamanya. Kemudian mangkatlah pula anaknya Al-Marhum itu di atas julangan (Sultan Mahmud Shah II) ditikam dengan oleh hulubalangnya yang bernama Megat Seri Rama menderhaka. Kemudian maka 'alam negeri Johor pun gaduhlah kerana tiada siapa yang hendak digantikan kerajaan ayahndanya. Hatta maka bermuafakatlah segala raja-raja menteri, hulubalang, rakyat sekeliannya merajakan Dato' Pasir Diraja di alam Johor, maka titahnya : "*Tiada sekali-kali beta mahu kerana seolah-olah beta menyukakan anak beta mati*", kemudian titahnya pula "*Terlebih baik saudara beta Padang Saujana dinaikkan kerajaan dalam negeri dan di alam Johor ini*". Maka segala menteri, hulubalang rakyat sekelian pun merajakan Bendahara Padang Saujana (Sultan Abdul Jalil bin Tun Habib Abdul Majid) itu. Beberapa lamanya duduk di atas takhta kerajaan. Maka sebab pun baginda itu digantikan menjadi raja di alam Johor kerana Marhum yang mangkat dijulang itu belum mengadakan putera . Sungguhpun zahirnya tiada berputera tetapi khabar kononnya pula ada ia berputera seorang anak laki-laki di peliharakan oleh nendanya di negeri Minangkabau (Raja Kecil) .

Hatta setelah Bendahara Padang Saujana menjadi raja di dalam Johor maka kekandanya bernama Dato' Pasir Diraja itupun berangkatlah ke negeri Muar, duduklah ia memerintah di dalam Muar dengan aman dan selamatnya.

Alkisah tersebutlah perkataan Dato' Engku Pasir Diraja yang telah beraja di dalam Muar itu maka baginda itu ada dua orang putera laki-laki. Yang tuanya bernama Sa' Akar Diraja, yang muda bernama Engku Paduka Tuan. Maka putera yang bernama Sa' Akar Diraja itu dijadikan ayahndanya temenggung di dalam Muar. Maka tiada berapa tahun lamanya baginda itu memerintah dalam Muar maka mengadakanlah baginda itu dua orang putera laki-laki yang telah bernama Engku Sa' Amar Diraja. Yang muda bernama Engku Perdana Menteri. Maka apakala mangkatlah Temenggung Sa' Akar Diraja itu maka Engku Sa' Amar Diraja itupun dijadikan oranglah temenggung menggantikan ayahndanya. Maka baginda itu ada berputera tiga orang, yang tuanya laki-laki bernama Engku Burok, yang tengah laki-laki bernama Engku Abdul Qadir, timang-timangannya Engku Muda Tanjung. Dan yang bongsu bernama Engku Pandak. Apakala telah mangkatlah

ayahndanya yang bernama Engku Sa' Amar Diraja itu maka Engku Burok itupun menggantikan ayahndanya bergelarlah Engku Temenggung Burok.

Hingga beberapa tahun lamanya baginda itu memerintah maka mengadakanlah ia dua orang putera, yang tuanya bernama Engku Kunit, yang mudanya bernama Engku Ibrahim, maka setelah mangkatlah ayahndanya Engku Temenggung Burok itu maka digantikan oranglah akan putera yang tua bernama Engku Kunit menjadi temenggung. Maka Engku Temenggung Kunit itu ada mengadakan dua orang putera. Putera yang tua perempuan bernama Engku Chomot, yang muda laki-laki bernama Engku Said. Bondanya bernama Engku Puan. Dan adinda baginda Engku Temenggung Kunit yang bernama Engku Ibrahim itu ada mengadakan lima orang putera. Yang tua perempuan bernama Engku Mi. Yang kedua Engku Jinal, yang ketiga Engku Ismail, yang keempat bernama Engku Idris, yang kelima bernama Engku Timah.

Maka apakala mangkatlah Engku Temenggung Kunit itu maka puteranya yang bernama Engku Sayyid itu menggantikan ayahndanya hingga beberapa tahun lamanya. Maka baginda itu tidak mengadakan putera seorang juapun hingga mangkatlah ia. Maka bermuafakatlah segala menteri hulubalang rakyat sekelian hendak menggantikan Al-Marhum itu. Kemudiannya dapatlah kepada saudara sepupunya yang bernama Engku Ismail putera daripada Engku Ibrahim itu menjadi temenggung. Maka pada masa Temenggung Ismail ini kerajaan Muar telah beraja ke Johor kepada Engku Temenggung Abu Bakar yang memerintah Johor Baharu. Kemudiannya menjadi sultan pula ia. Bagimana yang tersebut di dalam '*treaty*' Muar bertarikh 16hb November 1877M. Tetapi sungguhpun kerajaan Muar itu beraja kepada Engku Temenggung Johor itu maka segala cukai-cukai yang keluar dari jajahan Muar terserah kepada Engku Temenggung Ismail itu bagi makanannya.

Maka Engku Temenggung Ismail itu ada mengadakan sebelas orang putera. Yang pertama bernama Engku Abdullah yang telah mangkat dan dimakamkan di Negeri Sembilan, Johol kampung bernama Maliki yang kedua Engku Muhammad Salleh, yang ketiga bernama Engku Mahmud, yang keempat bernama Engku Kechot perempuan. Yang kelima bernama Engku Jaafar, yang keenam bernama Engku Aminah perempuan. Yang ketujuh bernama Engku Maimunah, perempuan. Yang kedelapan bernama Engku Abdul Qadir. Yang kesembilan bernama Engku Daud, yang kesepuluh bernama Engku Hamidah perempuan, yang kesebelas bernama Engku Aishah. Maka Engku Mi, Engku Jenal tiada berputera. Engku Idris mengadakan tiga orang putera, yang tua perempuan bernama Engku Aminah. Yang kedua bernama Engku Ibrahim (Hayat). Yang ketiga Engku Maimunah.

Engku Tik mengadakan dua orang putera, yang pertama bernama Engku Sulong, yang kedua Engku Nong atau Engku Amar. Dan putera Engku Temenggung Ismail yang bernama Engku Abdulrahman dan Engku Jaafar dan Engku Aminah dan Engku Maimunah dan Engku Abdul Qadir dan Engku Daud dan Engku Aishah sekelian tiada mengadakan putera. Maka Engku Muhammad Salleh

ini menggantikan ayahndanya menjadi temenggung dan mangkat ia pada 16 Rabiu' Awal 1391 (Hijrah) bersamaan 1902M.

Maka Al-Marhum Engku Temenggung Muhammad Salleh mengadakan sembilan orang putera. Yang pertama Engku Abdul Rahman yang menjadi temenggung. Yang kedua Engku Daik, yang ketiga belum bernama ia telah mangkat dan rupanya seperti buaya separuh sebelah kepalanya, badannya seperti manusia.

Bondanya bernama Engku Fatimah binti Ali (Engku Andak). Putera Al-Marhum itu dengan isterinya Wan Aishah binti Awang dua orang, yang pertama Engku Wok yang kedua Engku Jamilah. Dan putera Al-Marhum itu dengan isterinya bernama Wan Kitik binti Ahmad enam orang puteranya. Yang pertama Engku Timah perempuan. Yang kedua Engku Halimah, yang ketiga Engku Dara, yang keempat Engku Mahadi , yang kelima Engku Sailan, yang keenam Engku Maryam. Engku Mahmud mengadakan seorang putera laki-laki yang bernama Engku Abdullah. Engku Kechot perempuan mengadakan seorang putera perempuan bernama Engku Selama binti Engku Amar. Engku Hamidah berputera dua orang, yang pertama Engku Idris bin Hassan, yang kedua Raja Mahmood bin Muhammad Salleh.

BAB 3

Marhum Kota Tinggi Dalam Salasilah Muar

Berdasarkan salasilah keturunan Raja Temenggung Muar yang dibentangkan pada bab sebelum ini, ianya menyatakan tentang seorang ahlul-bait Rasulullah SAW yang bernama Sayyid Idrus, berasal dari Hadhramaut, Yaman, telah pergi ke negeri Aceh. Di Aceh beliau tinggal di Kampung Pasir dan kemudiannya telah diambil oleh Sultan Aceh sebagai menantu. Putera hasil dari perkahwinan ini yang bernama Sayyid Zainal Abidin kemudiannya telah pergi ke Johor dan berkahwin pula dengan seorang puteri pembesar dari jajahan Kota Tinggi, bergelar **Marhum Kota Tinggi**. Mereka dikurniakan seorang anak lelaki yang bergelar ‘Maharaja Seri Diraja’ yang kemudiannya pula telah berkahwin dengan anak seorang penguasa Muar. Dari perkahwinan ini telah memperolehi tiga orang anak, iaitu;

- 1) **Dato' Pasir Raja** yang kemudiannya dikurniakan jajahan Muar oleh Sultan Johor sebagai kurniaan mas kahwin apabila menikahi adindanya Marhum Bakal. Keturunan Dato' Pasir Diraja menjadi Raja-Raja Temenggung Muar. Sebuah manuskrip lama Muar yang lain memberikan nama sebenar Dato' Pasir Raja sebagai Sayyid Jaafar.²
- 2) **Bendahara Padang Saujana**- yang menjadi pemerintah Johor; dan
- 3) **Marhum Bakal**³.

Siapakah yang dimaksudkan dengan al-Marhum Kota Tinggi dalam perenggan pertama salasilah tersebut? Dan jikalau di baca pada peranggan lain, akan diketemukan satu lagi watak yang juga disebut sebagai ‘Marhum Kota Tinggi’

Mari kita selaraskan fakta sejarah;

Marhum Kota Tinggi I (perenggan pertama)

Hakikatnya, perkahwinan Sayyid Zainal Abidin dengan ‘kebangsi’ atau puteri al-Marhum Kota Tinggi telah melahirkan seorang putera bergelar Maharaja Seri Diraja. Maharaja Seri Diraja kemudian telah berkahwin namun tiada beroleh putera, sehingga mendapat mimpi menyuruhnya ke “*negeri Muar dan ambillah tunangnya orang yang hendak berkahwin di sana buat isteri supaya engkau mendapat anak*”.

Daripada perkahwinan dengan puteri Orang Kaya Darma Muar, Maharaja Diraja dikurniakan dua putera dan seorang puteri. Menurut Salasilah Muar. “*zahirlah seorang anak laki-laki dinamakan ayahndanya Dato' Engku Pasir Diraja*,

² R.O Winstedt, *A History of Johore*, (1365-1895), JMBRAS, Vol X, pt 3, Appendix III, hlm 134

³ Dalam *Salasilah Muar*, disebut bahawa putera ‘Marhum Bakal’, iaitu Sultan Mahmud Shah II kemudiannya mangkat dalam peristiwa ‘Marhum Mangkat Dijulang’ tanpa meninggalkan sebarang waris, maka Dato' Pasir Raja mahu diangkat menjadi raja, tetapi ditolaknya. Anaknya Tun Habib Abdul Majid yang pada ketika itu menjadi Bendahara akhirnya dilantik menjadi Sultan Johor yang berikutnya bergelar Sultan Abdul Jalil Shah IV (1699-1718).

kemudian daripada itu mendapat anak pula seorang laki-laki juga dinamakan Bendahara Padang Saujana dan kemudian hamillah pula serta mendapat anak perempuan dinamakan Marhum Bakal.”

Marhum Kota Tinggi II (perenggan lain)

Seterusnya Salasilah Muar mencatatkan “Setelah besarlah ketiga putera itu maka Marhum Bakal itu diambil oleh Al-Marhum Kota Tinggi dijadikan isteri serta titahnya kepada Dato’ Pasir Diraja serta Bendahara Padang Saujana: “Ambillah olehmu akan negeri Muar akan jadi ianya mas kahwin bagi saudaramu dengan tiada boleh direstu oleh siapa-siapa juga.

“... Shahadan setelah beberapa tahun lamanya Al-Marhum Kota Tinggi itu bersama-sama Marhum Bakal itu dapatlah seorang putera laki-laki. Ada kira-kira cepat berlari puteranya itu maka Al-Marhum Kota Tinggi itupun mangkatlah pula. Dan kerajaannya dipangku oleh Dato’ Pasir Diraja hingga beberapa tahun lamanya. Kemudian mangkatlah pula anaknya Al-Marhum itu di atas julangan (Sultan Mahmud Shah II) ditikam dengan oleh hulubalangnya yang bernama Megat Seri Rama menderhaka.”

Berdasarkan catatan-catatan tentang dua watak yang bergelar Marhum Kota Tinggi pada Salasilah Muar, terdapat sedikit kekeliruan yang perlu dibetulkan.

Terdapat sedikit kekeliruan di sini. *Salasilah Muar* menyebut bahawa Marhum Bakal berkahwin dengan ‘Marhum Kota Tinggi’ dan melahirkan seorang putera yang kemudiannya ‘mangkat di atas julangan’ (Sultan Mahmud Shah II). Sejarah Riau mencatatkan bahawa Sultan Ibrahim Johor 1677-1685 (ayahnya Sultan Mahmud) pernah menjadikan sebuah tempat di Riau yang bernama Kota Tinggi sebagai pusat pemerintahan baginda. Apabila baginda mangkat di situ, baginda digelar Marhum Kota Tinggi.

Sedangkan anakandanya Sultan Mahmud 1685-1699 juga dikenali sebagai Marhum Kota Tinggi tetapi di Johor (makamnya berdekatan makam Tun Habib Abdul Majid), kerana waktu pemerintahannya pusat pemerintahan Kesultanan Johor Lama dikembalikan ke tanah besar Johor, iaitu di kawasan yang disebut sebagai Kota Tinggi itu. Berkemungkinan Kota Tinggi di Johor ini diambil namanya bersempena Johor Tinggi di Riau itu. Bagaimanapun Sultan Mahmud juga terkenal dengan nama Marhum Mangkat di Julang.


Jika diselaraskan sumber sejarah dan disusun tarikhnya, bermakna Marhum Kota Tinggi yang disebut dalam Salasilah Muar sebagai berkahwin dengan Marhum Bakal dan melahirkan ‘putera yang mangkat di julangan’ adalah Sultan Ibrahim Shah itu.

Berbalik kepada watak Marhum Kota Tinggi I

Rujuk semula perenggan pertama pada *Salasilah Muar*, yang juga menyebut moyang Marhum Bakal sebagai ‘Marhum Kota Tinggi’. Siapakah pula ‘Marhum Kota Tinggi’ yang dimaksudkan di sini? Sudah tentu bukan Sultan Ibrahim ataupun Sultan Mahmud kerana dalam hukum fekah seorang wanita Islam tidak boleh berkahwin dengan datuk atau moyangnya yang merupakan muhrimnya.

Oleh itu siapa pula watak Marhum Kota Tinggi (I) yang disebut dalam Salasilah Muar sebagaimana berikut : “*Tidak berapa lama antaranya diambilah oleh Al-Marhum Kota Tinggi dikahwinkan dengan kebangsinya.*”???

Rujuk ilustrasi Salasilah Muar dengan penyelarasan sejarahnya



Rujuk kembali kenyataan daripada perenggan pertama manuskrip Raja Temenggung Muar atau Salasilah Muar: “*Tidak berapa lama antaranya diambilah oleh Al-Marhum Kota Tinggi dikahwinkan dengan kebangsinya.*”

Kenyataan inilah hakikatnya kata kunci kepada sejarah hubungan yang mengikat keluarga bendahara Johor Lama dengan keluarga ahlul-bait Rasulullah SAW, oleh itu kenyataan ini perlu dianalisis secara halus.

Persoalannya, siapakah identiti sebenar watak Marhum Kota Tinggi (I) yang dimaksudkan dalam perenggan pertama Salasilah Muar ini?

BAB 4

Susunan Bendahara Johor Sebelum Tun Habib Abdul Majid

Tun Seri Lanang, atau nama sebenarnya Tun Muhammad, penyusun buku *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* berasal dari keturunan bendahara-bendahara Melaka dan Johor. Beliau adalah anak kepada Paduka Raja Tun Ahmad Temenggung Johor.

Susur galur ke atas daripada Tun Seri Lanang tidak ada apa keraguan lagi dan sejarahwan-sejarahwan Melayu semuanya telah bersepakat tentang titir butir keturunannya. Pada masa pemerintahan Sultan Abdul Jalil II (1570-1597M), Tun Seri Lanang telah dilantik menjadi Bendahara bagi Kesultanan Johor Lama bergelar Bendahara Paduka Raja. Dalam tahun 1613M, iaitu semasa Johor dalam pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah (1597-1613M), terjadi peristiwa Perang Batu Sawar yang mana Aceh telah menyerang Johor dan menawannya. Sultan Alaudin, adindanya Raja Abdullah, Tun Seri Lanang dan ramai lagi pembesar-pembesar serta rakyat Johor dibawa ke Aceh. Tun Seri Lanang kemudiannya menjadi penguasa atau *Uleebalang Samalanga*, iaitu sebuah wilayah otonom Aceh serta menjadi penasihat Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-36M), Sultan Iskandar Thani (1636-41M) dan Sultanah Seri Sufiatuddin Tajul Alam Shah (1641-75M). Tun Seri Lanang yang dikenali juga dengan gelaran ‘*Dato’ yang ke Aceh*’ telah melahirkan keturunan bangsawan Aceh yang ramai, mangkat pada tahun 1659M dan disemadikan di situ.

Mengikut adat Melayu lama, kesemua pangkat pembesar-pembesar negeri seperti Sultan, Bendahara dan Temenggung adalah hak warisan turun temurun. Oleh itu *Sejarah Johor* menyebut bahawa Tun Anum, putera Tun Seri Lanang yang tertua telah diberi kedudukan Bendahara Johor berikutnya setelah peninggalan ayahndanya ke Aceh. Kemungkinan Tun Anum inilah Bendahara Johor yang dikatakan meninggal dunia berserta beberapa orang pembesar Johor lain akibat terkena wabak taun dalam tahun 1642M dan dimakamkan di Makam Tauhid (Makam Sayyid)⁴, Kota Tinggi, iaitu dalam kampung yang sama dengan kompleks makam Tun Habib Abdul Majid dan kompleks makam Sultan Mahmud Shah II, atau *Marhum Mangkat di Julangan*.

Selepas Tun Anum, adindanya Tun Jenal pula menjadi Bendahara bergelar Paduka Raja atau Bendahara Sekudai. Beliau amat berjasa dalam menerajui suatu angkatan hulubalang Johor menumpaskan cengkaman Portugis di Melaka pada tahun 1641M. Peristiwa tersebut tercatat dalam *Hikayat Hang Tuah*⁵.

⁴ Hj Buyong Adil, *Sejarah Johor*, 1980, hlm 80

⁵ Menurut catatan yang disebut dalam *Hikayat Hang Tuah*, Bendahara Sekudai telah memerintahkan dipasang sigai pada kubu Famosa, lalu bersama-sama dengan hulubalang Johor memanjat sigai itu dan menyerbu ke dalam benteng, hanya dengan bercawat sahaja. Ramai pahlawan Melayu yang gugur kerana dibedil dengan penggada yang berduri seperti durian, dengan pahat dan beliung, namun hulubalang Johor naik juga dan naik terus, bertimbun mayat jatuh bergelimpangan namun yang lain terus naik sehingga sampai ke

Kemangkatan Bendahara Paduka Raja Tun Jenal tidak dapat dipastikan tarikhnya. Selepas Tun Jenal, adindanya Tun Mat Ali pula menjadi Bendahara Paduka Maharaja.

Kemudian anak Tun Mat Ali yang bernama Tun Rantau menggantikannya sebagai Bendahara Seri Maharaja⁶. Bendahara inilah yang kemudiannya ditawan oleh Ratu Jambi dalam perang Johor-Jambi tahun 1673M, yang kemudiannya berubah menjadi ‘tahanan sukarela’ sehingga akhirnya dijemput tinggal di sana. Tun Rantau mangkat di Jambi dalam tahun 1675M⁷.

Di bawah ini merupakan senarai bendahara-bendahara Johor Lama yang turun dari titisan bendahara-bendahara Melaka, iaitu sehingga kepada bendahara Tun Rantau yang mangkat di Jambi.

1. Bendahara Paduka Raja Tun Khoja Ahmad
2. Bendahara Seri Maharaja Tun Bajid (Dato' Bendahara Johor)
3. Bendahara Tun Nara Wangsa Tun Mahmud
4. Bendahara Seri Maharaja Tun Isap Misai (Dato' Bendahara yang tua)
5. Bendahara Paduka Raja Tun Muhammad (Tun Seri Lanang/Dato' yang ke Aceh)
6. Bendahara Seri Maharaja Tun Anum (putera Tun Seri Lanang)
7. **Bendahara Paduka Raja Tun Jenal (putera Tun Seri Lanang)**
8. Bendahara Paduka Maharaja Tun Mat Ali (putera Tun Seri Lanang)
9. Bendahara Seri Maharaja Tun Rantau (putera Tun Mat Ali)

Hikayat Melayu edisi Betawi mencatatkan seperti berikut ; “ ...dan Bendahara yang Batulah matinya mangkat kerja Raja Johor kerana Bendahara keturunan Demang Lebar Daun dan **keturunan anak cucu To' Sekudai** bertuah, sampailah kepada **anak cucu dialah yang durhaka kepada Raja Johor** ⁸.

Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu mengenalkan putera Tun Seri Lanang yang bernama Tun Jenal dengan gelaran Bendahara Paduka Raja DATO' SEKUDAI.

Kenyataan ‘...dialah yang durhaka kepada Raja Johor’ merujuk kepada peristiwa kemangkatan Sultan Mahmud Shah II dalam peristiwa ‘Marhum Mangkat di Julangan’ pada tahun 1699M. Dalam tragedi tersebut, Bendahara Paduka Raja Tun Habib Abdul Jalil (putera Bendahara Padang Saujana) bersama kepimpinan pembesar tertinggi Johor telah bersepakat untuk merestui tindakan Megat Seri Rama membunuh Sultan Mahmud Shah kerana telah melakukan jenayah besar membunuh isterinya yang sedang sarat mengandung selain

atas kubu. Bendahara sendiri dapat memimpin anak buahnya masuk ke dalam kubu, dan beramuk-amukan menyerang Portugis sehingga habislah mati dan jatuhlah benteng Portugis yang berdiri megah untuk lebih 130 tahun lamanya.

⁶ A Samad Ahmad, *Sejarah Melayu*, op. cit , hlm 196

⁷ Dr. Muhammad Yusuff Hasyim & Dr. Aruna Gopinath, *Pahang Darul Makmur, 1800-1930M*, Lampiran I


⁸ R.O Winstedt, *A History of Johore*, op.cit, hlm 132 (nota kaki).

perangai baginda yang tidak siuman. Dengan kemangkatan Sultan Mahmud Shah tanpa zuriat, maka Bendahara Tun Habib Abdul Jalil diangkat menjadi Raja Johor berikutnya, bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV.

Bermakna kenyataan *Hikayat Melayu* edisi Betawi ini memberikan hubungan kekeluargaan diantara Bendahara Paduka Raja Tun Jenal (Dato' Sekudai) bin Bendahara Paduka Raja Tun Muhammad (Tun Seri Lanang) dengan Sultan Abdul Jalil Shah IV ibni Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana Tun Habib Abdul Majid.

Hubungan kekeluargaan ini boleh diilustrasikan pada rajah berikut;

Bendahara Paduka Raja Tun Muhammad (Tun Seri Lanang)
(Dato' yang ke Aceh-mangkat 1659)



Ringkasnya, senarai salasilah bendahara-bendahara Johor dari Bendahara Paduka Raja Tun Seri Lanang ke atas tiada kemosyikan dan telah dipersepakati oleh ahli sejarah bahawa mereka semuanya adalah dari jurai satu keluarga dan kerabat yang sama (rujuk *Sejarah Melayu*), iaitu titisan bendahara-bendahara Melaka yang turun ke Johor selepas Melaka dijajah Portugis.

Begini juga dengan salasilah Bendahara Seri Maharaja Tun Habib ke bawah sehingga melahirkan beberapa jurai kesultanan seperti Kesultanan Johor, Pahang da Terengganu, juga tiada kemosyikan lagi.

Bagaimanapun, seperti yang telah disentuh pada bab awal, wujud kontroversi dan polemik tentang salasilah yang menghubungkan Tun Seri Lanang dengan zuriatnya Tun Habib Abdul Majid, sehingga mencetuskan versi-versi yang berlainan. Kerana hubungan kekeluargaan diantara Tun Habib Abdul Majid dengan Tun Seri Lanang bukanlah hubungan darah secara langsung.

Hakikatnya, persoalan kepada hubungan ini akan dapat disingkap sepenuhnya melalui pengkajian daripada dua sumber yang berlainan, namun kedua-duanya sama penting kerana akan membawa kepada natijah, ataupun jawaban yang sama, iaitu tentang sejarah kemasukan titisan ahlul-bait Rasulullah SAW ke dalam jurai keluarga bendahara Johor Lama ini sehingga melahirkan bangsawan Melayu tersohor bernama Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana Tun Habib Abdul Majid itu.

Dalam hal ini melalui sumber Salasilah Muar, kita telahpun dimaklumkan tentang zuriat Sayyid Idrus yang bernama Sayyid Zainal Abidin, disebut sebagai berkahwin dengan kebangsi ataupun puteri Marhum Kota Tinggi, melahirkan Maharaja Seri Diraja yang kemudian beroleh tiga cahayamata iaitu Sayyid Jaafar, Bendahara Padang Saujana (Tun Habib Abdul Majid) dan Marhum Bakal.

Maklumat tentang perkahwinan ahlul-bait Rasulullah SAW dengan keluarga bendahara Johor Lama sehingga melahirkan waris-waris Raja Temenggung Muar seperti yang dicatatkan pada sumber Salasilah Muar akan dapat diperkuuhkan dengan penyingkapan pula sumber sejarah daripada Negeri Sembilan, khususnya daripada riwayat-riwayat tradisi Sungai Ujong.

Bermakna identiti sebenar Tun Habib Abdul Majid akan ‘diapit’ oleh waris-waris Temenggung Muar dan Sungai Ujong, sebagai keturunan yang masih hidup dan beranak pinak sehingga ke hari ini, malah masih terus memegang, memelihara serta melindungi salasilah leluhur yang dikongsi bersama sebagai kerabat daripada titisan keluarga Bendahara Johor serta ahlul-bait Rasulullah SAW!

BAB 5

Bendahara Sekudai dan Terombo Sg Ujung, Rembau dan Naning

Satu riwayat Sungai Ujung⁹ mengketengahkan nama Bendahara Sekudai, disebut sebagai putera kepada Sultan Abdul Jalil yang memerintah Johor. Bendahara Sekudai telah datang ke Sungai Ujung, lalu berkahwin dengan puteri Batin Sibu atau Seribu Jaya yang bernama Dayang Mayang Mengurai sehingga lahirlah keturunannya yang menjadi para pembesar Sungai Ujung sehingga ke hari ini. Undang Luak Sg Ujung adalah waris daripada Bendahara Sekudai secara langsung.

Dalam riwayat Sungai Ujung yang lain pula menyebut tentang putera Sultan Johor, iaitu Bendahara Sekudai yang mempunyai seorang puteri bergelar ‘Susu Ganda’, **berkahwin dengan ‘seorang Sayid, Temenggung Muar’**. Sementara satu lagi riwayat Sungai Ujung juga menyebut tentang wujudnya hubungan kekeluargaan diantara Bendahara Sekudai dengan Temenggung Muar.

‘Teromba yang ketiga’ dari sejarah Rembau pula menyebut tentang Batin Sekudai yang menduduki Rembau, mempunyai tiga orang anak perempuan iaitu Tok Mudek yang menjadi leluhur kepada Kelana Putra dari Waris Sungai Ujong, Tok Bungkal yang menjadi leluhur kepada Waris Lela Maharaja Rembau dan **Tok Mengkudu yang berkahwin dengan Syed dan keturunannya telah menjadi Bendahara di Pahang**. Sementara riwayat yang lain pula menyebut Tok Mengkudu telah dibawa oleh Dato’ Sekudai ke Pahang, sementara puterinya Tok Bungkal telah ditinggalkannya di Rembau selepas berkahwin dengan Tok Lela Balang dari Minangkabau yang kemudiannya membuka daerah Kota.

Nama Tok Mengkudu juga terdapat dalam riwayat-riwayat dari Sungai Ujung, yang membezakannya adalah pangkatnya sebagai cucu kepada Bendahara Sekudai. Sementara dari sumber Naning pula menyebut Tok Mengkudu sebagai puteri Bendahara Sekudai yang berkahwin dengan “**Tun Shahid Pahang**”.

⁹ Terombo Luak Sungai Ujung

Tentang Bendahara Sekudai, jumhur ahli sejarahwan Rembau, Sg Ujung dan Naning telah bersepakat tentang keberadaannya di beberapa kawasan Negeri Sembilan tradisional¹⁰ sekitar pertengahan abad ke 17 Masihi, serta peristiwa keberangkatan Bendahara Sekudai ke Pahang, iaitu selepas beberapa lama menetap di kawasan Rembau dan Sg Ujung sehingga melahirkan beberapa orang zuriatnya di sana.

Persoalannya, siapakah Dato' atau Bendahara Sekudai yang dimaksudkan di dalam riwayat-riwayat ini? Apa yang pasti, Sultan Johor tidak pernah melahirkan seorang bendahara sehingga selepas bermulanya era kenaikan bendahara Johor ke taraf Sultan, iaitu Bendahara Tun Habib Abdul Jalil menjadi Sultan Abdul Jalil Shah IV (1699-1718).

Namun sememangnya umum diketahui bahawa daerah Rembau, Sg Ujung dan Naning merupakan sebahagian daripada jajahan Kesultanan Melaka, selanjutnya Kesultanan Johor¹¹ sebelum dikuasai pula oleh orang-orang Minangkabau bermula akhir abad ke 18 Masihi, iaitu dengan pertabalan Yam Tuan Raja Melewar dalam tahun 1773 Masihi.

Jika ditinjau sejarah Kesultanan Johor, Sultan Johor telah mewakilkan kepada bendahara Johor untuk menjaga daerah Rembau dan Sg Ujung sepertimana yang dinyatakan sendiri oleh Sultan Abdul Jalil Shah kepada wakil Belanda dalam tahun 1644 Masihi¹².

Kebetulan dalam senarai bendahara-bendahara Johor seperti yang telah disebutkan sebelum ini, sememangnya wujud seorang bendahara yang bergelar **Dato' Sekudai, iaitu putera kepada bendahara Paduka Raja Tun Seri Lanang. Nama sebenarnya adalah Tun Jenal, menjadi bendahara kepada Sultan Abdul Jalil Shah Johor (1625-1677)**. Maka sudah tentu beliaulah yang dimaksudkan

¹⁰ Dalam hal ini, walaupun sejarahwan Sungai Ujung telah bersepakat mentahkikkan kewujudan Bendahara Sekudai sehingga melahirkan zuriat yang ramai di daerah tersebut, namun sebahagian sejarahwan Rembau pula menyebut bahawa Dato' Sekudai yang menjadi leluhur bangsawan Rembau adalah orang yang berbeza, iaitu seorang Tok Batin yang wujud kira-kira 100 tahun lebih awal daripada Bendahara Sekudai, iaitu dalam pertengahan abad ke 16 Masihi.

¹¹ Semasa Sultan Muzaffar Shah memerintah Melaka (1445-1458) Sungai Ujung dibawah pegangan Bendahara Paduka Tun Perak dan Seri Nara Diraja Tun Ali. Dan semasa pemerintahan Sultan Mansur Shah Penghulu di Sungai Ujung bernama Tun Nakal.

¹² Newbold, Political & Statistical Account of the British Settlements in Straits of Malacca, Vol 1, hlm 199-212

oleh Sultan Abdul Jalil sebagai wakil baginda dalam menjaga daerah-daerah Negeri Sembilan yang tradisional dalam tahun 1644 Masihi. Dan Tun Jenal pula mempunyai seorang saudara yang bernama Tun Rembau¹³, sementara bendahara Sekudai yang diriwayatkan dalam sejarah Rembau dikatakan pernah menetap di daerah Rembau.

Jika kita susun semula sejarah Rembau, Sg Ujung dan Naning berdasarkan lagenda-lagenda tradisional dari terombo-terombo yang wujud, serta dibuat kaji banding dengan sumber-sumber lain seperti sejarah Johor, Muar serta rekod-rekod Belanda, maka beberapa kesimpulan boleh dibuat, iaitu:

1. Identiti Dato' Sekudai atau Bendahara Sekudai yang disebut dalam riwayat-riwayat tradisional Sg Ujung, Rembau dan Naning adalah hakikatnya seorang bendahara Johor, menjadi putera kepada Bendahara Paduka Raja Tun Seri Lanang, dan bukan putera kepada Sultan Abdul Jalil Johor.
2. Kaitan Dato Mengkudu, iaitu puteri Bendahara Sekudai yang berkahwin dengan seorang Sayyid, atau ahlul-bait Rasulullah SAW.
3. Hubungan Sayyid ini dengan Temenggung Muar, yang boleh ditahkikkan oleh manuskrip Salasilah Raja-raja Temenggung Muar sehingga melahirkan zuriat yang ramai sebagai bangsawan-bangsawan Muar sehingga pada hari ini
4. Keturunan daripada perkahwinan Dato' Mengkudu dengan Sayyyid ini juga telah melahirkan zuriat 'Tun' dan bendahara-bendahara Pahang (yang dahulunya adalah sebahagian daripada jajahan empayar Johor). Perkara ini juga dapat ditahkikkan oleh Salasilah Raja-raja Temenggung Muar, iaitu kelahiran Bendahara Seri Maharaja Tun Habib Abdul Majid daripada jurai ini yang bukan sahaja melahirkan keturunan bendahara-bendahara Pahang, malahan melahirkan pemerintah-pemerintah dalam Kesultanan Johor dan Terengganu sehingga ke hari ini.

¹³ Tun Seri Lanang, Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu

BAB 6

Tun Habib Abdul Majid Dan Ahlul-Bait Nabi SAW

Sejarah Melayu mencatatkan bahawa putera Tun Seri Lanang yang bernama Tun Jenal, bergelar Dato' Sekudai mempunyai 6 orang putera dan 7 orang puteri. Sumber sejarah Sungai Ujong pula mencatatkan tentang perkahwinan Bendahara Sekudai dengan puteri Batin Seribu atau Sibu Jaya¹⁴, melahirkan waris-waris Undang Luak Sungai Ujong, kemudian dianugerahkan gelaran Dato' Klana Petra Sri Jaya daripada Sultan Johor dalam tahun 1760 Masihi.

Bermakna Bendahara Sekudai Tun Jenal bukan sahaja menabur zuriat di kawasan Johor Lama, malahan melahirkan ramai keturunan di Sungai Ujong melalui perkahwinannya dengan puteri Tok Batin.

Hikayat Rembau, Naning dan Sungai Ujong tercatat nama Dato' Sekudai yang dikatakan nenek moyang kepada pembesar Rembau dan Sungai Ujong. Disebut Dato' Sekudai ini mempunyai anak yang berkahwin dengan ‘seorang Sayyid, kemudiannya melahirkan Bendahara Pahang (waktu itu Bendahara Johor Lama memegang jajahan Pahang, Rembau dan Sungai Ujong)¹⁵.’ Hikayat Rembau dan Sungai Ujong juga ada merujuk tentang anak Bendahara Sekudai, atau Dato' Sekudai yang telah berkahwin dengan seorang ‘Sayyid dan keturunannya yang menjadi Bendahara’¹⁶.

Jelas daripada riwayat-riwayat tradisi Rembau, Naning dan Sungai Ujong, terbongkar bukan sahaja tentang kaitan kekeluargaan yang wujud diantara kaum kerabat Sungai Ujong dengan kaum kerabat Raja Temenggung Muar, malahan kaitan kekeluargaan yang dimaksudkan itu terkait pula dengan titisan ahlul-bait Rasulullah SAW dan keluarga bendahara Johor-Pahang (Pahang merupakan jajahan Johor waktu itu) .

Dan nama Dato' Sekudai ataupun Bendahara Sekudai muncul sebagai tokoh yang bertanggungjawab di atas wujudnya hubungan tersebut.

Jika disusun balik riwayat-riwayat dari sumber Muar dan Sungai Ujong, maka kita boleh membuat suatu rumusan bahawa perkahwinan Bendahara Sekudai Tun Jenal dengan puteri Batin Seribu atau Sibu Jaya telah melahirkan zuriat yang kemudiannya dikahwinkan pula dengan seorang ahlul-bait Rasulullah SAW bernama Sayyid Zainal Abidin bin Sayyid Idrus dari kerabat bangsawan Aceh. Ini tidaklah menghairankan kerana waktu itu Tun Seri Lanang (ayahanda

¹⁴ Dalam Hikayat Rembau, Naning dan Sungai Ujong, terdapat kekeliruan tentang siapakah yang dimaksudkan dengan Dato' Sekudai itu. Ada dua pendapat tradisional, iaitu yang mengatakan bahawa beliau adalah seorang Tok Batin Jakun yang menjadi ketua tempatan, sedangkan riwayat lain mengatakan Dato' Sekudai itu adalah Bendahara Sekudai (Bendahara Johor). Bagaimanapun mutakhir ini para pengkaji dan sejarahwan Negeri Sembilan telah bersepakat bahawa Dato' Sekudai di sini merujuk kepada Bendahara Sekudai.

¹⁵

¹⁶ R.O Winstedt, *A History of Johore*, op. cit, hlm 129-138.

Bendahara Sekudai) menjadi orang besar di istana Aceh, maka sudah tentu beliau telahpun mengenali Sayyid Zainal Abidin dan ayahandanya Sayyid Idrus yang dikatakan berkahwin dengan puteri Sultan Aceh itu.

Daripada perkahwinan tersebut lahirlah Maharaja Seri Diraja, yang kemudian berkahwin pula dengan puteri penguasa Muar, sehingga dikurniakan tiga orang cahayamata iaitu;

Sayyid Jaafar, yang disebut sebagai induk kepada zuriat Raja-raja Temenggung Muar,

Bendahara Padang Saujana atau **Tun Habib Abdul Majid**, induk kepada kesultanan Johor Lama dan kesultanan Terengganu dari darah bendahara, serta kerajaan Raja Bendahara di Pahang.

Marhum Bakal, yang mengahwini Sultan Ibrahim Shah Johor Lama (dari darah Raja Melaka), melahirkan Sultan Mahmud Shah II, mas kahwennya jajahan Muar.

Bermakna Marhum Kota Tinggi yang disebut dalam manuskrip Salasilah Muar adalah sama orangnya dengan Bendahara Sekudai Tun Jenal bin Bendahara Paduka Raja Tun Seri Lanang. Apatah lagi sememangnya terbukti bahawa Kota Tinggi bukan sahaja merupakan perkampungan keluarga bendahara-bendahara Johor waktu itu, malahan terdapat dua makam di lokasi yang sama, iaitu Makam Tauhid, dan kompleks Makam Tun Habib Abdul Majid, menempatkan perkuburan kaum kerabat bendahara Johor.

Perhatikan maklumat-maklumat berikut ini;

Menurut sumber Batu Acheh: Warisan Sejarah Johor,¹⁷ Makam Tauhid pada zaman dahulu biasanya disebut juga sebagai **Makam Sayyid**. Makam Tauhid yang kita ketahui pada hari ini dibina pada zaman Sultan Abdul Jalil Shah III dalam tahun 1641M. Kebetulan makam ini terletak berdekatan (1.5km) dengan Kompleks Makam Tun Habib Abdul Majid serta Kompleks Makam Sultan Mahmud Shah II. Menurut catatan sejarah Johor Lama, kawasan Kota Tinggi banyak kedapatan makam-makam kaum kerabat Bendahara, termasuk Makam Tauhid yang wujud dalam abad ke 17M. Tun Habib Abdul Majid sendiri telah membawa Sultan Mahmud bersemayam di daerah tersebut setelah kemangkatan ayahanda baginda Sultan Ibrahim di Riau. Menurut sumber yang sama : "...sekiranya maklumat yang diperolehi oleh Winstedt dari Temenggung Muar mengenai latar belakang Bendahara Tun Habib Abdul Majid sebagai cicit seorang Hadhramaut bernama Sayyid Idrus adalah betul, maka tidak hairanlah bahawa mungkin satu komuniti orang **Sayyid** bertempat tinggal di Kota Tinggi pada akhir abad ke-17M¹⁸.

Kebetulan pula makam yang terletak bersebelahan dengan makam Sultan Mahmud adalah makam guru agama baginda yang bernama **Sayyid Salim Al**

¹⁷ Daniel Parrett & Kamaruddin Abdul Razak : *Batu Acheh : Warisan Sejarah Johor, Kedudukan Tapak-Tapak Makam Dalam Sejarah Kesultanan Johor*, hlm 197

¹⁸ Ibid, hlm 198.

'Aidrus'¹⁹, mungkinkah Sayyid Salim ini salah seorang kerabat Tun Habib sendiri??

Menurut sumber 'Ulamak Nusantara' susunan Hj Wan Mohd Shaghir Abdullah²⁰, keturunan Tun Habib Abdul Majid yang bernama Sultan Zainal Abidin III dari Kesultanan Terengganu (1881-1919M) banyak berdamping dengan alim-ulama yang berasal dari dunia Melayu di Mekah serta menjadi tempat rujukan baginda. Salah seorang darinya bernama Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain Al-Fathoni.

Sewaktu kunjungan Syeikh Ahmad Fathoni ke Kelantan, Sultan Zainal Abidin beserta beberapa orang pembesar baginda telah mengunjunginya dan menjemput secara peribadi agar beliau sudi mengunjungi istana baginda di Kuala Terengganu. Syeikh Ahmad Al-Fathoni telah menggubah puisi 33 bait dalam Bahasa Arab yang bercorak memuji dan menasihat Sultan Zainal Abidin supaya memperkuatkan kedudukan Islam, bahasa dan bangsa Melayu.

Apa yang menarik dalam bait-bait puisi Syeikh Ahmad ini ialah yang menyentuh salasilah Sultan Zainal Abidin sendiri. Pada bait ke 18, 19 dan 20 dikarangnya seperti berikut :

"Baginda adalah orang yang mulia,

Bahkan kemuliaan itu warisan daripada datuk neneknya keturunan mulia dari dahulu sampai sekarang,

Memang raja putera raja,

Keturunan yang mempunyai rantai kemuliaan yang tiada pernah putusnya,

Keturunan Sayyidina Ali,Sayyid anak Sayyid,

Keturunan yang tak melahirkan, kecuali hanya kemuliaan"

Mengikut sumber Riau pula, tapak makam cucu Tun Habib yang bernama Tun Abbas di Riau dikenali sebagai Kompleks Makam **Tun Abbas ibnu Tun Habib**. Tun Abbas adalah anakanda kepada Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV Ibni Tun Habib Abdul Majid. Bermakna Tun Abbas adalah cucu Tun Habib Abdul Majid. Maka prediket 'Tun Habib' yang terpahat pada Kompleks Makam Tun Abbas di Riau merujuk kepada ayahandanya Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV itu.

Anakanda Tun Habib Abdul Majid yang menjadi pengasas Kesultanan Terengganu bernama Sultan Zainal Abidin I (1725-33M), **terkenal juga dengan gelaran Sultan Habib**.

Dalam salinan surat Sultan Abdul Jalil Riayat Shah kepada Raja Perancis, Louis XV Roi de France et de Navarre (1719) untuk membeli bekalan peluru dan

¹⁹ Ibid, hlm187

²⁰ <http://ulama.blogspot.com/2005/03/sultan-zainal-abidin-111.html>

ubat bedil, pada chop mohor baginda tertera nama ‘**Sultan Abdul Jalil Riayat Shah, zilullah fil alam ibni Bendahara Seri Maharaja Habib**²¹.

Dalam sumber *A History of Johore*²² yang dikarang oleh R.O Winstedt, beliau mencatatkan riwayat dari sumber tempatan mengenai sejarah Kampung Lubok Batu di daerah Segamat, Johor. Antara lain beliau menyebut: “.... Pada masa itu Segamat masih dikenali sebagai Leban Chondong. Sambungan kisahnya bahawa Dato’ Bendahara (Bendahara Tepok ibni Bendahara Tun Perak) tinggal di Lubok Batu selama empat tahun sebelum beliau meninggal dunia. Selepas itu **Dato’ Sagar Diraja bin Sayyid Jaafar** datang dari Kota Tinggi dan membuka Segamat. Kemudian pemerintahan diambil alih oleh puteranya Sa’ Amar Diraja, kemudian oleh cucunya Paduka Tuan dan kemudian oleh cicitnya Wan Idris.”

Dalam seminar *Konvensyen Melaka dalam Warisan Dunia Melayu* bertarikh 14-16 April 1993, satu kertas kerja bertajuk *Penggunaan Awal Cap Melayu*²³ telah mengketengahkan dua pucuk warkah bercap dari Melaka (Lampiran A). Surat pertama bertarikh Hijrah 1235 bersamaan 1819-20 Masihi ditulis oleh Raja Temenggung Muar ke IV dari keturunan Sayyid Jaafar yang bernama Temenggung Dato’ Kamil (atau Temenggung Sonet). Beliau mengenalkan dirinya sebagai ‘**Sayyid Engku Temenggung Paduka Tuan**’.

Kesimpulannya, bersandarkan beberapa fakta kukuh dari berbagai sumber sejarah seperti yang telah dibentangkan di atas, maka kita dapat merumuskan bahawa Tun Habib Abdul Majid merupakan seorang ahlul-bait. Berlebih lagi prediket Habib pada namanya itu memang mengesahkan dirinya sebagai ahlul-bait, kerana seperti yang telah termaklum, prediket Habib adalah sama seperti Sayyid dan Syarif yang mula digunakan oleh ahlul-bait Rasulullah SAW semenjak ketibaan mereka di Hadhramaut, Yaman. Mustahil perkataan ‘Habib’ itu merupakan sebahagian dari namanya, kerana dalam adat agama, nama Abdul Majid berdiri sendiri.

Oleh itu, prediket ‘Tun’ pada nama Bendahara Padang Saujana itu merupakan gelaran bangsawannya yang diambil dari keturunan nenda dan moyangnya yang akan dibuktikan disusurgalurkan kepada nasab bendahara-bendahara Melaka sedangkan prediket ‘Habib’ adalah sebagai menyatakan beliau seorang ahlul-bait Rasulullah SAW.

²¹ Annabel Teh Gallop, *The Legacy of the Malay Letter- Warisan Warkah Melayu*, British Library for the National Archives of Malaysia, 1994, ms 9

²² R.O Winstedt, *A History of Johore (1365-1895): Appendix V: Antiquities and Ancient Sites (near Segamat)*, MBRAS reprints number 6, hlm 215. Penerbitan sebelumnya pada Volume X, pt III, JMBRAS 1932, hlm 152

²³ Annabel Teh Gallop, Oriental and India Office Collection, The British Library. Dalam simpanan Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara.

Bab 7

Susunan Bendahara Johor Sehingga Tun Habib Abdul Majid

Salasilah lisan yang didapati dari keturunan Raja-Raja Temenggung Muar sebagai pemegang hakmilik *Salasilah Muar*²⁴, ada disebut seperti berikut :

*“Nenek moyang Cik Wan Ambak ialah seorang bangsa Arab bernama Sayyid Idrus, berasal dari Hadhramaut ke negeri Aceh, tinggal di Kampung Pasir dijadikan menantu oleh Sultan Aceh, dikahwinkan dengan gendanya (kufunya). Sayyid Idrus dapat anak dinamakan Sayyid Zainal Abidin. Sayyid Zainal Abidin pergi berpindah ke Johor Lama. Masa itu Johor takluk ke Aceh. Berkahwin di Kota Tinggi dengan gendinya. Dapat anak dinamakan **Maharaja Seri Diraja** (ringkasnya Semada Raja). Kata setengah ini ialah nama gelarannya. Nama sebenarnya ialah Tun Dagang.”*

Menurut Linehan dalam bukunya *History of Pahang*²⁵, suatu perjanjian Johor-Belanda 1685M yang ditandatangani oleh Tun Habib Abdul Majid mengenalkan dirinya sebagai **‘Dato’ Bendahara Maharaja bin Dato’ Seri Maharaja’**.

Jika digabungkan daripada sumber lisan keturunan Raja Temenggung Muar ini dengan *Salasilah Muar* serta *A History of Pahang*; illustrasinya adalah seperti berikut; ;

²⁴ Dato' Hj Abdul Syukur Ismail, *Sejarah Ringkas Muar*, 1984, hlm 166. Keterangan lisan didapati dari Cik Wan Ambak, zuriat Raja Temenggung Muar yang juga menyimpan barang-barang pusaka keluarga termasuk pakaian kebesaran Raja Temenggung Kamil atau Sonet yang ditenun di Riau dan dipotong di Aceh.

²⁵ W. Linehan, *A History of Pahang*, op.cit, hlm 43



Bermakna, dalam senarai bendahara-bendahara Johor Lama, selepas kemangkatan Bendahara Seri Maharaja Tun Rantau di Jambi pada tahun 1675, berikutnya obor-obor Bendahara diserahkan kepada Tun Dagang, putera Sayyid Zainal Abidin dari istana Aceh, cucu Tun Jenal Bendahara Sekudai. Tun Dagang bergelar Bendahara Seri Maharaja atau Seri Maharaja Diraja.

Kemungkinan Tun Dagang tidak lama menjadi Bendahara, dijangkakan mangkat di Tanjung Batu sekitar tahun 1673M, iaitu semasa Johor dialahkan Jambi.

Rujuk *Sejarah Melayu* : “ *Inilah yang dapat oleh pacal yang dhaif dibaca dalam hikayat ayahanda itu rahimullah, **Dato' yang hilang di Tanjung Batu**, kepada masa Johor alah diserang Jambi*(1673M)²⁶”

Hikayat Melayu edisi Betawi pula tercatat riwayat berikut ; “ ...**dan Bendahara yang Batulah matinya** mangkat kerja Raja Johor kerana Bendahara

²⁶ *Sejarah Melayu* (versi A. Samad Ahmad, edisi pelajar), op.cit, hlm 311. Sejarah Johor mencatatkan kemangkatan seorang lagi pembesar Johor di Tanjung Batu, iaitu Temenggung yang dibunuh oleh Laksamana Tun Abdul Jamil dalam tahun 1678M. Rujuk Andaya, op. cit, hlm 178-179

keturunan Demang Lebar Daun dan keturunan anak cucu To' Sekudai bertuah, sampailah kepada anak cucu diaalah yang durhaka kepada Raja Johor ²⁷.

Salasilah Muar pula mencatatkan bahawa : “....Setelah besarlah ketiga-tiga putera itu maka Marhum Bakal diambil oleh Al-Marhum Kota Tinggi (Sultan Ibrahim) dijadikan isteri titahnya kepada Dato’ Pasir Raja dan Bendahara Padang Saujana:’ ambillah olehmu akan negeri Muar akan jadi mas kahwin bagi saudaramu....”

Oleh itu berkemungkinan ‘Dato’ yang hilang di Tanjung Batu’ dan ‘Bendahara yang Batulah matinya...’ dalam catatan di atas merujuk kepada Tun Dagang Seri Maharaja, kerana ia sememangnya cucu Tun Jenal (To’ Sekudai) dan darinya lahir Tun Habib Abdul Majid. Tun Habib berputerakan Bendahara Paduka Raja Tun Habib Abdul Jalil yang berpaktat dengan pembesar Johor memberikan ‘lampa hijau’ kepada rencana Megat Seri Rama membunuh Sultan Mahmud Shah kerana membunuh isterinya dan berperangai tidak siuman. Itulah yang dimaksudkan dengan catatan ‘...dialah yang durhaka kepada Raja Johor’.

‘....kepada masa Johor alah diserang Jambi’ merujuk tahun 1673M yang mana Bendahara Seri Maharaja Tun Rantau telah ditawan Ratu Jambi dan tidak mahu pulang ke Johor sehingga mangkat di sana dalam tahun 1675M. Kemungkinan Tun Dagang menjadi Bendahara selepas ‘penawanan’ Tun Rantau dan mangkat diantara tahun 1673-1677M sebelum Johor dapat mengembalikan maruahnya dengan mengalahkan Jambi pula.

Salasilah Muar jelas menunjukkan bahawa semasa perkahwinan puteri Tun Dagang yang bernama Marhum Bakal dengan Sultan Ibrahim (selepas 1677M²⁸), Tun Dagang telahpun meninggal dunia, kerana yang menjadi wali Marhum Bakal adalah kekandanya Dato’ Pasir Raja dan bukan ayahandanya Tun Dagang sendiri.

Punca kemangkatan Tun Dagang (*....mangkat kerja Raja Johor*) di Tanjung Batu dalam tahun 1673M masih memerlukan pengkajian yang lebih mendalam. Tarikh kemangkatan Tun Dagang adalah satu era dengan pemerintahan Sultan Abdul Jalil Shah III (1623-77), yang diketahui amat renggang hubungannya dengan keluarga Bendahara Johor selama memerintah lebih setengah abad.

Ia tidak mungkin berlaku dalam masa pemerintahan Sultan Ibrahim Shah (1677-85)²⁹ berikutnya yang merupakan menantu Tun Dagang sendiri dan terbukti telah mula merapatkan kembali hubungan dengan keluarga Bendahara Johor sebagai ipar baginda.

Selepas itu barulah naik Tun Habib Abdul Majid menjadi Bendahara seperti yang lumrah diketahui, mengambil gelaran Bendahara Seri Maharaja juga, selain

²⁷ ‘...dialah yang durhaka kepada raja Johor’ merujuk kepada peristiwa kemangkatan Sultan Mahmud Shah II. Kenyataan ini merujuk kepada Sultan Abdul Jalil Shah IV yang sebelumnya adalah Dato’ Sekudai yang dimaksudkan di sini ialah Tun Jenal yang juga bergelar Bendahara Sekudai.

²⁸ Marhum Bakal berkahwin dengan Sultan Ibrahim selepas baginda menjadi Raja Johor kerana hanya seorang Sultan yang boleh menganugerah tanah kurnia. Sultan Ibrahim telah menganugerahkan jajahan Muar sebagai mas kahwin baginda sehingga menerbitkan dinasti Raja-Raja Temenggung Muar dari titisan Dato’ Pasir Raja bekanda Marhum Bakal.


²⁹ Sultan Ibrahim Shah adalah putera Raja Bajau ibni Sultan Abdullah Maayah Shah (sekitar 1615-23), Hubungan baginda dengan Sultan Abdul Jalil Shah adalah anak saudara dua pupu.

dikenal sebagai Bendahara Padang Saujana. Diangkat Tun Habib mula menyandang jawatan Bendahara selepas mangkatnya Sultan Abdul Jalil Shah III dalam tahun 1677M. Sebagai Raja Johor berikutnya, berkemungkinan Sultan Ibrahim sendiri yang melantik Tun Habib, iaitu selepas perkahwinan baginda dengan Marhum Bakal adinda Tun Habib itu. Ini berikutan bukan Dato' Pasir Raja (sebagai waris Tun Dagang yang tertua) yang menjadi Bendahara kerana telahpun dianugerahkan jajahan Muar oleh Sultan Ibrahim sebagai mas kahwin baginda..

Rumusannya, susunan bendahara-bendahara Johor adalah seperti berikut ;

1. Bendahara Paduka Raja Tun Khoja Ahmad
2. Bendahara Seri Maharaja Tun Bajid (Dato' Bendahara Johor)
3. Bendahara Tun Nara Wangsa Tun Mahmud
4. Bendahara Seri Maharaja Tun Isap Misai (Dato' Bendahara yang tua)
5. Bendahara Paduka Raja Tun Muhammad (Tun Seri Lanang/Dato' yang ke Aceh)
6. Bendahara Seri Maharaja Tun Anum (putera Tun Seri Lanang)
7. Bendahara Paduka Raja Tun Jenal (Bedahara Sekudai, putera Tun Seri Lanang)
8. Bendahara Paduka Maharaja Tun Mat Ali (putera Tun Seri Lanang)
9. Bendahara Seri Maharaja Tun Rantau (putera Tun Mat Ali)
- 10. Bendahara Seri Maharaja (Maharaja Seri Diraja) Tun Dagang (menantu Bendahara Sekudai Tun Jenal)**
11. Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana Tun Habib Abdul Majid (putera Tun Dagang)
12. Bendahara Paduka Raja Tun Habib Abdul Jalil (putera Tun Habib Abdul Majid, kemudian menjadi Sultan Abdul Jalil Riayat Shah, memerintah 1699-1718M)

Kaitan Tun Habib Abdul Majid Dengan Tun Habab (Tun Pikrama)



BAB 8

Salasilah Tun Habib Abdul Majid & Kesultanan Melayu

Seperti yang kita telahpun sedia maklum, tercatat dalam manuskrip Muar tentang seorang ulama ahlul-bait Rasulullah SAW yang datang dari Hadramaut, Yaman bernama Sayyid Idrus, berkahwin dengan puteri Aceh kemudian melahirkan seorang putera, diberi nama Sayyid Zainal Abidin. Beliau pula berkahwin dengan keluarga bendahara Johor (cucu Tun Seri Lanang) sehingga dari titisannya kelak lahir seorang tokoh bangsawan Johor yang bernama Tun Habib Abdul Majid.

Bendahara Seri Maharaja Tun Habib Abdul Majid merupakan pemangku kepada Sultan Mahmud Syah II³⁰ yang terkenal dengan peristiwa *Marhum Mangkat di Julangan* pada tahun 1699 Masihi³¹. Oleh kerana baginda mangkat tanpa meninggalkan waris, maka naiklah putera Tun Habib Abdul Majid yang bernama Tun Habib Abdul Jalil ke takhta Kesultanan Johor Lama, mengambil gelar Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV, memerintah dari tahun 1699-1718 Masihi.

Dengan perlantikan Bendahara Tun Habib Abdul Jalil sebagai Sultan Johor, maka tamatlah era pemerintahan Johor dari jurai keturunan Raja-raja Melaka serta bermulalah era pemerintahannya dari keturunan bendahara yang berlanjut sehingga tahun 1885 Masihi apabila diambil alih pula oleh keturunan Temenggung³².

Sebagai Sultan Johor yang pertama dari titisan bendahara, Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV telah melahirkan beberapa dinasti kerajaan seperti berikut;

Kesultanan Johor Lama yang meliputi Tanah Besar Johor, Pahang, Riau, Lingga, Singapura dan kepulauan-kepulauan lain di sebelah selatan Singapura. Bermula dari putera Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV yang bernama Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah I (1722-1889M). Berakhir dalam zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah III (1761-1812M). Selepas kemangkatan baginda, Kesultanan Johor Lama berpecah dua, diperintah oleh dinasti anakanda baginda Sultan Hussin Shah dan Sultan Abdul Rahman Muadzam Shah I.

Kesultanan Singapura dan Tanah Besar Johor sahaja. Bermula dari zaman Sultan Husin Shah ibni Sultan Mahmud Shah III (1819-1824M). Dalam tahun 1824M Singapura diambil oleh British. Putera Sultan Hussin Shah yang bernama Sultan Ali pula ‘memberikan’ Tanah Besar Johor kepada Temenggung Ibrahim dalam tahun 1855M. Dengan ini menamatkan dinasti Sultan Hussin Shah.

³⁰Sultan Mahmud Syah dipangku Bendahara Tun Habib Abdul Majid sebagai mengikut adat Raja-raja Melayu, kerana menaiki takhta dalam usia kecil (sekitar 10 tahun) apabila ayahandanya Sultan Ibrahim Syah mangkat dalam tahun 1685 Masihi.

³¹Sultan Mahmud Syah mempunyai seorang penasihat agama dan tok gurunya sendiri yang bernama **Sayyid Salim al-Aidrus**. Jikalau kita berkunjung ke makam Sultan Mahmud di Kota Tinggi, Johor, akan mendapati bahawa makam Sayyid Salim ini letaknya bersebelahan dengan makam Sultan Mahmud. Dalam kawasan Kota Tinggi tersebut, pada zaman dahulu terletak sebuah perkampungan ahlul-bait Rasulullah SAW yang dipercayai sebagai kaum kerabat Tun Habib Abdul Majid sendiri dari kelurga bendahara Johor Lama.

³²Iaitu Sultan Abu Bakar ibni Temenggung Ibrahim, digelar Bapa Kesultanan Johor Moden, memerintah pada tahun 1885-1895M. Bagaimanapun Sultan Abu Bakar adalah juga dari jurai Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV

Kesultanan Johor Moden yang diasaskan oleh Sultan Abu Bakar (1885-1895M), putera kepada Temenggung Ibrahim. Dinasti baginda masih memerintah sehingga pada hari ini. Sultan Johor Moden yang memerintah pada masa ini ialah; DYMM SULTAN IBRAHIM ISMAIL IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD ISKANDAR

Kesultanan Riau-Lingga yang diasaskan oleh Sultan Abdul Rahman Muadzam Shah I ibni Sultan Mahmud Shah III (1818-1832M). Walaupun hakikatnya baginda adalah pemerintah Kesultanan Johor Lama yang sebenarnya pada masa itu, tetapi Perjanjian Inggeris-Belanda yang dimeterai dalam tahun 1824M telah memecah-belahkan kesultanan tersebut. Kesultanan Riau-Lingga berakhir di zaman pemerintahan Sultan Abdul Rahman Muadzam Shah II (1885-1911M) apabila baginda dimakzulkan Belanda.

Kerajaan Raja Bendahara Pahang yang diasaskan oleh Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Majid (1777-1802M) apabila Sultan Mahmud III menganugerahkan tanah Pahang kepada keluarga bendahara. Bagaimanapun pada masa itu Pahang tetap bernaung di bawah Kesultanan Johor Lama³³. Kerajaan Raja Bendahara Pahang berakhir dalam zaman Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir Tun Ali (1847-1861M), selepas berlakunya peristiwa ‘Perang Saudara Pahang’ (1857-1863M).

Kesultanan Pahang Moden yang diasaskan oleh Sultan Ahmad Al-Muadzam Shah I (1882-1914M). Bermula selepas berakhirnya peristiwa ‘Perang Saudara Pahang’. Dinasti baginda masih memerintah sehingga pada hari ini. Sultan Pahang yang memerintah pada hari ini ialah: DYMM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH IBNI AL-MARHUM SULTAN ABU BAKAR RI’AYATUDDIN AL-MU’ADZAM SHAH,

Kesultanan Selangor diperintah oleh zuriat Tun Habib Abdul Majid melalui jurai puteri Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV yang bernama Tengku Mandak. Tengku Mandak bernikah dengan seorang bangsawan Bugis bergelar Daeng Chelak yang menjadi Yam Tuan Muda Riau yang ke II (1728-1745M). Perkahwinan ini telah menghasilkan seorang putera bergelar Raja Lumu yang kelak menjadi pengasas kepada Kesultanan Selangor. Setelah menaiki takhta, Raja Lumu bergelar Sultan Sallahuddin Shah (1756-177M).

Sultan Selangor yang kedua, iaitu Sultan Ibrahim Shah (1778-1826M) menguatkan lagi darah Tun Habib Abdul Majid apabila baginda berkahwin dengan Tun Selamah binti Raja Bendahara Tun Abdul Majid (Pahang), titisan Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. Dinasti baginda masih memerintah sehingga pada hari ini. Sultan Selangor yang memerintah pada hari ini ialah; DYMM SULTAN SHARIFUDDIN IDRIS SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH.

Dinasti Yam Tuan Muda Riau yang berada bawah jajahan Kesultanan Johor Lama semenjak tahun 1722M telah diperintah oleh zuriat Tun Habib Abdul Majid hasil perkahwinan dua puteri Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. Seperti yang disebutkan, Tengku Mandak berkahwin dengan Daeng Chelak, Yam Tuan Muda Riau ke II dan melahirkan Raja Lumu (pengasas Kesultanan Selangor) serta

³³Umpama kerajaan-kerajaan Uleebalang di jajahan Kesultanan Aceh Darussalam. Status kerajaan Temenggung Muar juga sama, iaitu bernaung di bawah Kesultanan Johor Lama.

Raja Haji (Marhum Shahid Fi Sabilillah). Selain Raja Haji sendiri yang menjadi Yam Tuan Muda Riau ke IV, zuriatnya juga kebanyakannya menjadi Yam Tuan Muda Riau seperti Raja Jaafar (ke VI), Raja Abdul Rahman (ke VII), Raja Ali (ke VIII), Raja Haji Abdullah (ke IX), dan Raja Muhammad Yusuff (ke X).

Sementara seorang lagi puteri Sultan Abdul Jalil yang bernama Tengku Tengah telah berkahwin pula dengan Daeng Perani dan melahirkan Daeng Kembuja, iaitu Tuan Muda Riau yang ke III dan puteranya Raja Ali sebagai Yam Tuan Muda Riau ke V.

Bagaimanapun selepas perpecahan Kesultanan Johor Lama, campurtangan Belanda telah melupuskan dinasti Yam Tuan Muda Riau apabila dalam tahun 1899M, Raja Muhammad Yusuff sebagai Yam Tuan Muda Riau X telah dimakzulkan Belanda.

Kesultanan Siak Sri Inderapura diperintah oleh zuriat Tun Habib Abdul Majid melalui jurai puteri Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV yang bernama Tengku Kamariah. Tengku Kamariah bernikah dengan Raja Kechil atau Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah yang menjadi Sultan Siak yang pertama (1723-1740M). Perkahwinan Raja Kechil dengan Tengku Kamariah³⁴ telah melahirkan seorang putera yang bernama Tengku Mahmud, kemudian menjadi Sultan Siak ke-2 bergelar Sultan Mahmud Abdul Jalil Jalaluddin Muzaffar Shah (1740-60). Baginda melahirkan Sultan Siak yang berikutnya (ke-3 dan ke-6) iaitu Sultan Ismail Abdul Jalil Jalaluddin Muzaffar Shah (1760-61 dan 1779-81). Sultan Ismail pula melahirkan Sultan Yahya Abdul Jalil Muzaffar Shah, Sultan Siak yang ke-7 (1781-97).

Sultan Mahmud Abdul Jalil juga mempunyai seorang cucu yang bergelar Sultan Abdul Jalil Shah ibni Tengku Musa ibni Sultan Mahmud, menjadi Sultan Sukadana.

Manakala dua kerajaan Melayu telah diasaskan oleh kerabat Tun Habib Abdul Majid yang lain dari titisan Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV iaitu;

Kerajaan Raja-Raja Temenggung Muar yang diasaskan oleh bekanda Tun Habib Abdul Majid yang bernama Sayyid Jaafar. Puteranya yang bergelar Dato' Pasir Raja memerintah Muar semenjak tahun 1699 Masihi, dan keturunan Dato' Pasir Raja memegang tampuk Muar sehingga tahun 1879M apabila kuasa bertukar tangan kepada pemerintah Johor waktu itu, iaitu Maharaja Abu Bakar³⁵ (kemudian menjadi Sultan Johor Moden Pertama). Keturunan Temenggung Muar pula diberi pencen sebagai gantirugi atas kehilangan kuasa sebagai pemerintah tradisi Muar. Waris-waris Temenggung Muar masih lagi mendapat pencen sehingga pada hari ini.

Kesultanan Terengganu pula diasaskan oleh seorang lagi putera Tun Habib Abdul Majid yang bernama Paduka Maharaja Tun Zainal Abidin. Menjadi Sultan

³⁴ Raja Kechil mempunyai beberapa isteri lain yang melahirkan beberapa generasi sultan-sultan Siak. Seorang cucu baginda yang bernama Tengku Badariah telah berkahwin dengan Sayyid Osman bin Abdul Rahman al-Shahab, kemudian melahirkan dinasti Sayyid yang memerintah Siak sehingga pemerintahnya yang terakhir iaitu Sultan as-Sayyid as-Syariff Kasim II Abdul Jalil Saifuddin (1889-1945). Terakhir, Sultan Syarif Kasim II telah menyerahkan kesultanan ini kepada pemerintah Republik Indonesia dalam tahun 1945M. Dalam tahun 1999M wilayah tersebut menjadi kabupaten otonom dengan predikat Kabupaten Siak.

³⁵Rujuk Hj Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm 235-272 bagi catatan mengenai pergolakan politik Raja Temenggung Muar.

Terengganu yang pertama, bergelar Sultan Zainal Abdin I (1725-1733M). Dinasti baginda masih memerintah sehingga pada hari ini.Sultan yang menerajui kesultanan Terengganu pada masa ini ialah; DYMM SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH,